

01/07/1999

Sudut Pidato tidak perlu: Najib

Mohd Fuad Razali

MENTERI Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berpendapat institusi pengajian tinggi (IPT) tidak perlu mewujudkan Sudut Pidato untuk membolehkan pelajar meluahkan rasa tidak puas hati mereka.

Sebaliknya beliau menggalakkan mereka menjalankan program lain yang boleh membantu memupuk nilai murni dan tidak mendorong pelajar bertindak secara keterlaluan.

"Kita tidak perlu ada Sudut Pidato, tetapi kalau boleh biarlah program yang hendak dijalankan itu berlangsung dalam keadaan yang tertib dan sopan.

"Pelajar boleh merancang sendiri program itu tetapi mesti ditapis terlebih dahulu oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Pendidikan, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pelajar Bumiputera di institusi pengajian tinggi awam yang lebih mementingkan agenda politik 'mentah' mereka daripada memberi tumpuan kepada pelajaran.

Sewaktu sesi dialog dengan ahli Dewan Perniagaan Melayu Malaysia di Kuala Lumpur, kelmarin, Dr Mahathir menyatakan rasa kesalnya kerana ramai pelajar Melayu gagal dalam peperiksaan dan tidak menggunakan peluang yang disediakan dengan sebaiknya.

Menurut Najib, kerajaan sebenarnya tidak menghalang pelajar institusi pengajian tinggi tempatan untuk mengikuti perkembangan semasa yang berlaku di sekeliling mereka, termasuk dalam bidang politik.

Bagaimanapun, katanya, mereka tetap dilarang daripada membabitkan diri dalam parti politik, termasuk menjalankan kegiatan berkenaan di dalam kawasan kampus.

"Pelajar sudah diberitahu mengenai tanggungjawab mereka yang sepatutnya memberi lebih perhatian kepada pelajaran untuk mencapai kejayaan. Jadi, kita memandang berat kes pelajar yang berpolitik di kampus.

"Jika terbukti mereka terbabit dalam kegiatan sedemikian, kita tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka termasuk penyingkiran dari institusi pengajian tinggi," katanya.

Menurutnya, pelajar sepatutnya mengetahui bahawa mereka tidak boleh melakukan perkara yang melanggar undang-undang dan kerajaan juga tidak akan bertolak ansur serta bertindak tegas jika mereka bertindak sesuka hati melanggar undang-undang.

Mengenai pelajar Malaysia yang mendapat biasiswa dan menuntut di luar negara, Najib berkata, Kementerian Pendidikan menyerahkan kepada penganjur masing-masing untuk bertindak jika mereka didapati terbabit dalam kegiatan antikerajaan.

Katanya, penganjur terbabit akan menentukan sama ada mahu menarik balik biasiswa yang sudah diberikan atau mengambil tindakan lain yang sesuai dengan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar berkenaan.

Bagaimanapun, beliau mengakui tindakan pernah diambil terhadap pelajar sedemikian tetapi tidak menyatakan bentuk tindakan serta bilangan yang terbabit.

Difahamkan antara tindakan yang boleh dikenakan ialah amaran keras dan penarikan balik biasiswa.

(END)